



SETIAUSAHA
Secretary
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Public Services Commission Malaysia
ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F
NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8091 9000
Laman Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 (18)

Tarikh : 8 Februari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/Dato'/Ts/Dr/Tuan/Puan,

**PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM BAGI
SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER-DISEMBER) TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan laporan-laporan pemerhatian terdahulu adalah berkaitan.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia selaku Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah menimbang rayuan pegawai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

3. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam mendapati masih terdapat ketidakaturan prosedur di dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib. Berdasarkan penelitian kes-kes rayuan terdahulu, adalah didapati sebahagian besar ketidakaturan yang berlaku adalah ketidakakuran

berulang. Ketidakaturan prosedur ini boleh menyebabkan keputusan Lembaga Tatatertib dicabar di Mahkamah sekiranya pegawai memfailkan semakan kehakiman dan keputusan tersebut boleh dibatalkan oleh Mahkamah.

4. Bagi memastikan keteraturan prosedur di dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah membuat pemerhatian terhadap kertas-kertas rayuan yang dipertimbangkan seperti di Lampiran.

5. Sehubungan itu, Lembaga Tatatertib adalah dimohon untuk mengambil perhatian serius terhadap pemerhatian ini dan mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur dalam menguruskan kes tatatertib bagi memastikan keputusan Lembaga Tatatertib teratur dan kepentingan perkhidmatan awam dapat dipertahankan.


6. Kerjasama pihak Lembaga Tatatertib dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)

PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM
BAGI SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER - DISEMBER) TAHUN 2023

1. SURAT PERTUDUHAN
BILANGAN PEMERHATIAN: 44

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Kelewatan mengeluarkan surat pertuduhan.	Tindakan tatatertib hendaklah segera dimulakan terhadap pegawai apabila lembaga tatatertib menerima laporan salah laku.
2.	Dialamatkan ke tempat bertugas pegawai dan tidak dialamatkan ke alamat kediaman terakhir pegawai.	Sebarang notis hendaklah dialamatkan ke alamat kediaman pegawai yang diketahui – peraturan 52, p.u.(a) 395/1993.
3.	Kesilapan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai.	Memastikan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai adalah tepat.
4.	Pertuduhan tidak jelas atau tidak lengkap dan tidak memperincikan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai.	Memastikan semua fakta dan butir-butir yang spesifik berhubung perbuatan salah laku pegawai serta peruntukan mana-mana peraturan yang dilanggar dimasukkan di dalam surat pertuduhan.
5.	Mengandungi maklumat yang tidak tepat.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.
6.	Tidak merujuk kepada peraturan dan nama peraturan yang tepat bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.	Merujuk kepada peraturan dan nama peraturan yang tepat bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.
7.	Ditandatangani atas kapasiti jawatan di jabatan/kementerian.	Ditandatangani atas kapasiti sebagai pengerusi atau ahli lembaga tatatertib yang diberi kuasa.
8.	Menggabungkan beberapa kesalahan dalam satu pertuduhan.	Satu pertuduhan hendaklah mengandungi satu kesalahan sahaja.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
9.	Penggunaan nama lembaga tatatertib yang tidak tepat.	Penggunaan nama lembaga tatatertib hendaklah tepat dan betul.
10.	Tidak merujuk kepada Peraturan 7(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] sedangkan kesalahan yang dipertuduh merujuk kepada perakuan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.	Merujuk Peraturan 7(2), P.U.(A) 395/1993 bagi perakuan Pegawai Perubatan yang mengesah dan memperakui pegawai ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.
11.	Tidak menyatakan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan di bawah Peraturan 38, P.U.(A) 395/1993.	Menyatakan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan di bawah Peraturan 38, P.U.(A) 395/1993 bagi setiap pertuduhan.
12.	Terdapat pernyataan yang tidak sepatutnya dimasukkan dalam surat pertuduhan namun dimasukkan dalam pertuduhan.	Contoh pernyataan adalah “ walaupun terdapat perbezaan satu minit waktu ketikan”. Pernyataan seperti ini tidak perlu dinyatakan dalam surat pertuduhan kerana kesalahan yang dipertuduh melibatkan mengetik kad perakam waktu pegawai lain dan bukannya melibatkan isu masa kehadiran atau masa ketikan kad perakam waktu.
13.	Pegawai dihadapkan dengan dua surat pertuduhan yang mempunyai tarikh yang sama dan melibatkan jenis kesalahan yang sama atau fakta yang saling berkait rapat.	Kedua-dua pertuduhan sewajarnya digabungkan sekiranya melibatkan kesalahan yang sama dan pengemukakan dua surat pertuduhan yang berbeza memprejudiskan pegawai yang akan mempunyai rekod telah diambil tindakan tatatertib sebanyak dua kali.
14.	Pegawai yang menandatangani surat pertuduhan tidak menyatakan bahawa beliau merupakan anggota lembaga tatatertib sebelum terdapatnya catatan bagi pihak pengerusi.	Selaras dengan Peraturan 53(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, hanya anggota Lembaga Tatatertib Jabatan boleh menandatangani surat pertuduhan bagi pihak Pengerusi Lembaga Tatatertib Jabatan.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
15.	Surat pertuduhan tidak dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib di tempat pegawai bertugas.	Jadual Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993] memperuntukkan bahawa keanggotaan lembaga tatatertib adalah mengikut tempat bekerja seseorang pegawai.
16.	Melampirkan laporan Ketua Jabatan pada surat pertuduhan.	Tiada keperluan perundangan untuk laporan Ketua Jabatan dikemukakan kepada pegawai dan surat pertuduhan sewajarnya mempunyai fakta kesalahan yang dipertuduhkan kepada pegawai sahaja.
17.	Kesilapan membuat rujukan Peraturan 19 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993] telah dinyatakan secara keseluruhannya.	Pemilihan peruntukan hendaklah yang berkaitan dengan kesalahan sahaja.
18.	Menyatakan 'pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan-pertuduhan' bagi pegawai yang hanya dihadapkan dengan satu (1) pertuduhan.	Tidak perlu menyatakan 'pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan-pertuduhan' bagi pegawai yang hanya dihadapkan dengan satu pertuduhan.
19.	Terdapat penggunaan perkataan 'meragukan' bagi kesalahan mengemukakan sijil cuti sakit palsu.	Perkataan "meragukan" menunjukkan Lembaga Tatatertib hanya mengesyaki, pertuduhan tidak boleh dikemukakan kepada pegawai berdasarkan syak sahaja.
20.	Menyatakan dapatan salah bagi tindakan tatatertib yang berasaskan sabitan jenayah.	Tidak membuat dapatan salah bagi tindakan tatatertib yang berasaskan sabitan jenayah.

PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH

a. *Knowing the case against him* (Pertuduhan yang lengkap)

Sesuatu pertuduhan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang tepat, jelas, berasas dan mempunyai bukti yang mencukupi untuk tujuan pembelaan diri.

B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962] MLJ, FC

Penghakiman *Privy Council* di muka surat 17:

“if the right to be heard is to be a real right which is worth anything it must carry with it a right in the accused person to made affecting him; and then he must be given a fair opportunity to correct or contradict them. The decision-maker must not hear or receive evidence behind the back of the accused person.”

b. Kelewatan (*Delay*) dan Pemaafan (*Condonation*)

Mohd Zulhazi Mohd Zulkifli v Suruhanjaya Pasukan Polis DiRaja Malaysia & 1 lagi [2014] 1LNS 574

(Mahkamah Rayuan - Kelewatan selama 5 tahun mengambil tindakan tatatertib)

Public Service Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (Menggantikan M Senthivelu a/l R. Marimuthu (si mati) [2008] 6 MLJ 1

(Mahkamah Persekutuan - Kelewatan 7 tahun mengambil tindakan tatatertib) di mana mahkamah telah menegaskan bahawa kelengahan yang panjang dalam mengendalikan tindakan tatatertib terhadap pekerja, jika tiada penjelasan yang munasabah berkaitan dengan kelengahan tersebut dan ditambah dengan faktor-faktor lain, boleh membangkitkan keterangan kukuh bahawa perbuatan salah laku pekerja terbabit telah dimaafkan oleh majikannya.

2. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP REPRESENTASI
BILANGAN PEMERHATIAN: 3

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Ketua Jabatan yang mengemukakan ulasan merupakan Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai.	Ketua Jabatan yang mengemukakan ulasan ialah selain Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai.
2.	Ulasan tidak berkaitan dengan tindakan tatatertib yang dikenakan.	Ulasan hendaklah berkaitan dengan tindakan tatatertib yang dikenakan.

PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH

Rules Against Bias

Rohana bte Ariffin v Universiti Sains Malaysia [1989] 1 MLJ 487, HC

'When the disciplinary authority was deliberating the breach of discipline, the Registrar, who was complainant, was present. The court quashed the decision to dismiss the plaintiff on the grounds of bias, as the Registrar was present during the deliberations to dismiss the plaintiff'.

3. MINIT MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB
BILANGAN PEMERHATIAN: 32

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Minit mesyuarat yang tidak lengkap/tepat.	Minit mesyuarat hendaklah menyatakan nama mesyuarat dan tarikh yang betul.
2.	Kesilapan/ ketinggalan catatan dalam minit mesyuarat.	Catatan dalam minit mesyuarat hendaklah lengkap dan tepat.
3.	Nama lembaga tatatertib tidak dinyatakan dengan lengkap.	Nama lembaga tatatertib hendaklah dinyatakan dengan lengkap.
4.	Tidak mengasingkan dapatan salah dan hukuman bagi pertuduhan yang lebih daripada satu.	Mengasingkan dapatan salah dan hukuman bagi pertuduhan yang lebih daripada satu.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
5.	Pertimbangan kes pegawai digabungkan bagi beberapa pegawai.	Pertimbangan terhadap kes pegawai hendaklah diasingkan daripada pegawai lain.
6.	Bilangan kuorum adalah berlebihan (bilangan ahli melebihi dua orang).	Kuorum lembaga tatatertib adalah seperti mana yang diperuntukkan dalam jadual kepada peraturan 2, peraturan - peraturan lembaga tatatertib perkhidmatan awam 1993 [p.u.(a) 396/1993] dan tidak terlibat secara langsung dengan kes pegawai.
7.	Tidak menyatakan dapatan salah yang perlu dibuat oleh lembaga tatatertib sebelum hukuman boleh dikenakan kepada pegawai.	Menyatakan dapatan salah kecuali bagi kes tindakan tatatertib terhadap pegawai yang disabitkan dengan kesalahan jenayah.
8.	Kesilapan catatan tarikh surat pertuduhan.	Catatan tarikh surat pertuduhan yang betul.
9.	Terdapat ketinggalan maklumat berhubung representasi pegawai yang telah dipertimbang.	Maklumat berhubung representasi pegawai yang telah dipertimbang hendaklah betul dan tepat.
10.	Tidak memperincikan representasi dan ulasan Ketua Jabatan semasa membuat keputusan.	Maklumat yang dinyatakan dalam minit mesyuarat seperti kandungan representasi dan ulasan Ketua Jabatan hendaklah sama dengan dokumen asal.
11.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.
12.	Tidak ditandatangani oleh semua anggota lembaga tatatertib yang memutuskan kes.	Hendaklah ditandatangani oleh pengerusi atau/dan ahli Lembaga Tatatertib
13.	Kesilapan catatan dari segi hukuman yang dikenakan terhadap pegawai.	Catatan dari segi hukuman yang dikenakan terhadap pegawai hendaklah betul.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
14.	Salah seorang ahli Lembaga Tatatertib merupakan pegawai yang menyokong syor oleh Pegawai Penyiasat Kes untuk diambil tindakan tatatertib.	Kehadiran ahli Lembaga Tatatertib yang merupakan pegawai yang menyokong syor oleh Pegawai Penyiasat boleh membangkitkan isu berat sebelah (<i>bias</i>) kerana beliau terlibat memberikan arahan agar pegawai diambil tindakan tatatertib.
15.	Justifikasi dapatan salah dan keputusan hukuman dibuat berdasarkan fakta yang tidak dipertuduh.	Menyatakan justifikasi dapatan salah dan keputusan hukuman hendaklah dibuat berdasarkan fakta yang dipertuduh.
16.	Tidak memperinci kesalahan pegawai.	Kesalahan pegawai hendaklah dinyatakan secara terperinci.
17.	Pengerusi merupakan salah seorang pegawai yang membuat pemeriksaan berhubung aduan yang diterima.	Pegawai yang membuat pemeriksaan berhubung aduan yang diterima tidak boleh menjadi Pengerusi.
18.	Tidak memperincikan hukuman yang dikenakan kepada pegawai dan tidak mencatatkan hukuman yang dikenakan bagi pertuduhan yang mana.	Memperincikan hukuman yang dikenakan kepada pegawai dan mencatatkan hukuman yang dikenakan adalah bagi pertuduhan yang mana satu.
19.	Kesilapan rujukan membuat keputusan penentuan hukuman.	Rujukan membuat keputusan penentuan hukuman hendaklah dibuat dengan betul dan tepat.
20.	Kesilapan mencatat nama peraturan yang dirujuk.	Catatan nama peraturan yang dirujuk hendaklah tepat.
21.	Keputusan penentuan hukuman tidak dibuat berasingan bagi kedua-dua sabitan jenayah.	Menyatakan dapatan salah dan hukuman secara berasingan bagi setiap pertuduhan.

PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH

a. Keperluan menyatakan dapatan salah

**Hamdan Bin Ibrahim V Lembaga Tatatertib Hospital Kuala Kangsar & Anor [2000]
MLJU 634, HC**

Mahkamah menyatakan bahawa "*This court finds that regulation 27(2) is crystal clear that in order to impose the punishment as stipulated under the regulation, the plaintiff must first be found guilty. As the finding of guilt against the plaintiff was nowhere stated either in the letter dated 14.6.96 - exhibit SY 3 or even in any of the affidavits affirmed on behalf of the respondent and relied on by the learned Federal counsel, this court finds that this is a clear case of serious procedural unfairness or breach of procedural fairness and exceeds jurisdiction, which calls for intervention by this court in the decision or the process leading to it*".

b. Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan

**Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga
Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3
lagi**
(Mahkamah Rayuan Malaysia)

Terdapat lima (5) pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

**4. SURAT KEPUTUSAN
 BILANGAN PEMERHATIAN: 13**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang lebih daripada satu.	Keputusan dapatan salah dan hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang lebih daripada satu.
2.	Kesilapan catatan tarikh surat pertuduhan.	Memastikan catatan tarikh surat pertuduhan adalah betul.
3.	Kesilapan catatan pernyataan keputusan hukuman.	Memastikan catatan pernyataan keputusan hukuman adalah betul.
4.	Memastikan catatan pernyataan keputusan hukuman adalah betul	Catatan peraturan hukuman yang tidak tepat bagi hukuman amaran.
5.	Kesilapan merujuk nombor surat pertuduhan.	Memastikan rujukan nombor surat pertuduhan adalah betul.
6.	Kesilapan menyatakan tarikh sabitan jenayah.	Memastikan kenyataan tarikh sabitan jenayah adalah betul.
7.	Tidak merujuk kepada peraturan yang tepat bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.	Rujukan kepada peraturan hendaklah tepat dan betul bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.
8.	Tidak menyatakan pegawai telah disabitkan ke atas suatu kesalahan jenayah di mahkamah.	Pegawai yang telah disabitkan dengan kesalahan jenayah di mahkamah hendaklah dinyatakan di dalam surat keputusan.
9.	Keputusan penentuan hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi sabitan jenayah yang lebih daripada satu.	Keputusan penentuan hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi sabitan jenayah yang lebih daripada satu.

PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH

Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan

Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi
(Mahkamah Rayuan Malaysia)

Terdapat lima pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

**5. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP RAYUAN
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Ketua Jabatan yang mengemukakan ulasan merupakan Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai.	Ketua Jabatan yang mengemukakan ulasan ialah selain Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai.

**6. PERINTAH GANTUNG KERJA
BILANGAN PEMERHATIAN : 2**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Perintah gantung kerja tidak dikenakan ke atas pegawai yang disabitkan dengan kesalahan jenayah.	Selaras dengan Peraturan 28(6) P.U.(A) 395/1993, suatu perintah gantung kerja hendaklah dikenakan ke atas pegawai yang telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah dengan suatu kesalahan jenayah dengan mengambil kira bahawa perkataan yang digunakan dalam Peraturan 28(6), P.U.(A) 395/1993 tersebut ialah perkataan "hendaklah" dan peraturan tersebut merupakan peruntukan khusus dalam pengendalian tindakan tatatertib ke atas pegawai yang tertakluk kepada prosiding jenayah.

**7. PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI KES SABITAN MAHKAMAH
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Perakuan Ketua Jabatan tidak dikemukakan.	Perakuan Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan berdasarkan Peraturan 29(2), P.U.(A) 395/1993.

DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
FEBRUARI 2024**